



EDISI
مايس

www.mais.gov.my

HARTA HARAM HIDUP BERKAT?



Kata-Kata Hikmah

“Dalam Mencari Rezeki, Keberkatan Adalah Sebaik-Baik Keuntungan.”

Dr. Che Mad

'WANG HARAM
MENANGGUNG
NAFKAH?

Ms 17

DAH BAYAR FIDYAH?



Bagaimana seseorang itu perlu qada' puasa Ramadhan atau perlu membayar fidyah atau kedua-keduanya sekali?

SIAPA YANG PERLU BAYAR FIDYAH?



Meninggalkan puasa kerana sakit kronik



Meninggalkan puasa kerana sakit tua



Meninggalkan puasa kerana hamil



Meninggalkan puasa kerana menyusukan anak



Melambatkan ganti puasa (qada')



Hutang puasa orang yang telah meninggal dunia



Meninggalkan puasa kerana musafir atau sakit & tidak qada' puasa pada tahun ia ditinggalkan



Imbas QR Code untuk taksir & bayar fidyah

* Fidyah bagi satu hari puasa yang ditinggalkan termasuk upah sama ada RM2.00 atau RM4.00 atau RM6.00 mengikut jenis beras yang dimakan

JOM BAYAR FIDYAH MENGIKUT BERAS YANG DIMAKAN



RM 2.00

- Beras Super
- Spesial Tempatan 5%



RM 4.00

- Beras Putih Import
- Beras Herba Ponni
- Beras Perang
- Beras Pulut
- Beras Wangi



RM 6.00

- Beras Merah
- Beras Jepun
- Beras Basmathi

<https://www.mais.gov.my/fidyah/>

[Facebook](#) Majlis Agama Islam Selangor [Instagram](#) mais_officialhq [Twitter](#) MAISgovmy

www.mais.gov.my



Sidang Editorial
EDISI

KETUA PENGARANG

Noormala binti Mohd Sa'ad

PENGARANG

Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

EDITOR

Salawati binti Hamid

SUBEDITOR/PRUF

Norzaili bin Taib

KOLUMNIS

Hamizul bin Abdul Hamid
Halim bin Mokhtar
Mohd Hafiz bin Abdul Salam

Hasal bin Senin

Shahrul Effendy bin Md Saat

Maryam binti Md Zain

Mohamad Shukry Bin Sulaiman

Mohammad Salleh Bin Abdul Saha

HARTA HARAM, REZEKI BERKAT?



Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Boleh buatkan air jampi ustaz?" Seorang ibu bertanya. "Untuk siapa?" Saya membalas. "Untuk anak saya. Degilnya, minta ampun." Jawab si wanita. Wajahnya meminta belas.

Demikianlah. Mutakhir ini isu kekeluargaan terus marak. Suami isteri curang. Ibu bapa dibuang. Adik-beradik berperang. Keluarga berantakan. Kenapakah semua ini terjadi? Adakah ia berpunca dari harta haram yang menjadi santapan keluarga? Mari kita renungkan.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menyatakan, sejak Simpanan Syariah diperkenalkan pada 2016, hanya 22 peratus sahaja umat Islam di Selangor yang menukar akaunnya kepada syariah. Sedangkan jelas di dalam Fatwa Negeri Selangor, umat Islam wajib mencarum ke dalam akaun Islamik. Adakah baki 78 peratus itu rela menikmati harta haram?

Maaf cakap, di situlah duitnya akan berbaur dengan perkara haram. Ibarat mesin basuh, berbaur di dalamnya kain yang terkena najis anjing dengan kain biasa. Hasilnya apa?

Sementara itu, menurut pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), sehinggalah ke saat ini sambutan umat Islam khususnya di negeri Selangor kepada kempen Penyerahan Wang Tidak Patuh Syariah (WTPS) kepada pihak Baitulmal MAIS tidak begitu memberangsangkan.

Pada tahun 2022, hanya RM1.8 juta telah diterima, berbanding anggaran potensi sebenar yang masih besar. Isunya, ke manakah

WTPS itu dimanfaatkan? Jika dimakan bersama kaum keluarga, apakah hukumnya? Apa kesannya?

Lembaga Zakat Selangor (LZS) sendiri dalam isu ini mendedahkan, angka pembayar zakat harta hanya mencecah sekitar 11 peratus. Bagi tahun 2022 yang lalu, dari anggaran kira-kira 3.6 juta umat Islam yang bermastautin di Selangor, hanya sekitar 400 ribu orang sahaja yang menuunaikan zakat.

Sekali lagi, apakah hukumnya jika wang zakat itu dimakan sendiri oleh pemiliknya? Apa pula hukumnya jika dimakan oleh kaum keluarganya? Kesannya apa?

Mengabaikan zakat sudah dianggap menempah kebinasaan. Apa lagi jika sengaja merelakan diri terjun ke lubuk harta haram. Bekerja di sektor yang jelas haramnya, seperti kilang arak, pusat perjudian, menjadi GRO, bekerja dengan ahlong atau ceti haram, terlibat dengan kewangan riba, tokan dadah, penipu siber atau scammer dan banyak lagi.

Isu ini kritikal. Membiar harta haram atau lebih parah sengaja mencari yang haram, kesannya amat berisiko. Tidak ada rumusnya harta yang haram akan menghasilkan keberkatan. Berkat itu bersih dan berkat hanya akan datang kala harta itu juga bersih.

Sayangnya, ada orang Islam memandangnya dengan sebelah mata. Kami di Edisi berusaha menimbulkan kesedaran dan mengusulkan pencerahan. Lalu dalam edisi kali ini, kami berusaha menuntaskannya demi kebaikan bersama. Selamat membaca. **Edisi**



ENAM SOLUSI HARTA HARAM



Oleh: Ustaz Hamizul Bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)
 Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan,
 Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Masyarakat Islam di negeri Selangor perlu mengetahui dan memahami tentang kepentingan memiliki harta dari jalan yang sah serta sentiasa menjadikan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sebagai rujukan utama bagi memastikan harta yang dimiliki adalah halal dan berkat.” – YAD Tan Sri Dato’ Seri Abdul Aziz Bin Mohd Yusof, Pengerusi MAIS.

Selaras dengan gesaan Pengerusi MAIS di atas, berikut adalah enam solusi mengenai harta haram yang boleh diamalkan:

- 1 Jauhilah pekerjaan yang haram. Hakikatnya inilah langkah pertama untuk mengelakkan diri dari yang haram. Jika sudah terjerumus misalnya menjadi pelacur atau GRO dan mahu berubah, maka MAIS telah menyediakan agensi tertentu yang dapat membantu, misalnya Bahagian Pemulihan al-Riqab dan Lembaga Zakat Selangor (LZS), dengan berpandukan skim yang disediakan.
- 2 Menjauhi rasuah dan penyelewengan. Ini juga sumber terjadinya harta haram. Semakin berkuasa, semakin luas peluang berlaku curang. Akhirnya rasuah menjadi budaya. Di sini, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) di dalam khutbah Jumaat konsisten berpesan agar umat Islam menghindari segala korupsi berkenaan. Jika sudah terjebak dan mahu bertaubat, hubungilah MAIS. Kita carikan jalan keluarnya.
- 3 Tinggalkan pelaburan dan simpanan yang tidak patuh syariah. Hari ini, tiada lagi alasan untuk kekal dalam pelaburan dan simpanan yang haram. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), sudah mewujudkan akaun Islamik. Perbankan pun sudah ada perbankan Islam, dan takaful menjadi pilihan halal berbanding insurans konvensional. Jabatan Mufti Negeri Selangor sentiasa memberi bimbingan fatwa dalam hal ini.
- 4 Bersihkan harta dari yang haram. Perkara ini boleh terjadi dalam isu simpanan atau pelaburan wang di sektor yang tidak patuh syariah. Ia wajib diasingkan. Hubungilah Baitulmal MAIS untuk melunaskan Wang Tidak Patuh Syariah (WTPS) ini dengan sempurna.
- 5 Memelihara hak nafkah bagi tanggungan wajib. Mengabaikan nafkah kepada yang wajib, seperti isteri, anak-anak dan ibu bapa yang tidak berkemampuan, hakikatnya punca mengundang murka Tuhan. Rujuklah Jabatan Kehakiman Syariah (JAKESS) dan Khidmat Nasihat dan Runding Cara Kekeluargaan JAIS untuk memahami isu ini.
- 6 Sucikan harta dengan zakat. Seringkali zakat harta diabaikan oleh umat Islam kerana dianggap kecil; sehingga tanpa sedar mengundang murka Allah SWT dan binasanya harta dan keluarga. Maka, tunaikan zakat harta dengan sempurna dengan menghubungi LZS demi mendapat bimbingan yang sempurna.

Initiatif komitmen MAIS dan agensi-agensi di bawahnya dalam upaya mengajak umat Islam hidup dalam kitaran yang halal dan berkat. Ia bersifat pendidikan, pencegahan, malah ada yang bersifat memberikan solusi dalam membina kehidupan yang lebih baik. Hubungi talian MAIS: 03-55143400 untuk info lanjut. **Edisi**



LAGHA DI TIRAI MAGHRIB



Oleh: Maryam Binti Md Zin (maryam@jais.gov.my)
Penolong Pengarah Penyelidikan, JAIS

Cuaca pada petang ini mendung dan awan di langit semakin gelap. Mungkin sekejap lagi akan hujan. Aina melihat jam di tangan menunjukkan pukul 6.30 petang. Ibu masih belum sampai mengambilnya di sekolah. Dari jauh kelihatan kereta Range Rover berwarna putih. Betul sangkaan Aina, itu adalah kereta ibunya.

“Maaf ibu lambat. Tadi bertemu kawan di kedai makan”.

Aina diam dan masuk ke dalam kereta. Dia tahu ibu bertemu rakannya untuk mengadu mengenai pergaduhan ibu dan ayah di rumah malam tadi. Aina menghidupkan radio dan mendengar lagu yang diputarkan. Jam di kereta menunjukkan pukul 7.00 malam.

Apabila kereta selamat tiba di perkarangan rumah, Aina membuka pintu lantas meletakkan beg di kerusi ruang tamu dan mencapai telefon bimbitnya di atas kabinet televisyen. Aina serta merta membuka aplikasi Tik Tok dan mula membuat siaran langsung. Dia bercerita mengenai dirinya di sekolah. Sambil bercakap di hadapan skrin telefon, Aina melirik mata kepada Yusuf; adiknya berusia 12 tahun sedang leka mengadap komputer bermain permainan atas talian. Kadangkala Yusuf bersuara tinggi dan mencarut kerana marah.

15 minit Aina bersiaran langsung di Tik Tok, azan telah berkumandang dari masjid. Jelas bunyinya satu persatu muazzin melaftazkan azan.

Allahu akbar. Allahu akbar.

Aina melihat ibunya sedang makan nasi sambil tangan kirinya memegang telefon bimbit. Mungkin ibunya sedang melayari YouTube atau Facebook. Mencari penyelesaian masalah rumah tangga barangkali. Aina masih lagi bersiaran langsung sambil membaca komen yang diterima. Sesekali Aina ketawa kerana membaca komen yang lucu. Aina masih belum mandi dan masih belum solat Maghrib.

Jarum jam di dinding menunjukkan pukul 8.00 malam. Selepas Aina berhenti, dia melihat video-video lain di TikTok. Yusuf

masih leka bermain permainan komputer. Ibunya telah selesai makan tetapi masih lagi melihat telefon bimbit. Kedengaran pintu diketuk dan suara memberi salam di luar rumah. Bapa Aina masuk ke rumah dan terus berkata

“Itulah kerja ibu kau. Entah buat kerja apa di rumah asyik melihat telefon bimbit”

Sudahlah letih memandu di jalan yang sesak, di rumah pula isteri dan anak-anak membuat hal masing-masing tidak menghiraukannya.

Ibu, Aina dan Yusuf tidak bersuara.

“Esok kita mesti pergi ke pejabat agama, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)” Tiba-tiba ibu bersuara kepada ayah.

“Untuk apa?” Bentak ayah.

“Saya sudah tidak tahan dengan perangai panas baran awak” Balas ibu.

“Saya beri awak duit bulanan beribu banyaknya. Apa awak dan anak-anak mahu, saya belikan. Awak mahu bercerai!?” Jerit ayah. Aina dan Yusuf tersentak. Sedih, kecewa dan pelbagai perasaan bercampur baur.

“Bukan! Pejabat agama, JAIS untuk dapatkan rundingcara dan khidmat nasihat. Kalau nak bercerai di mahkamah syariah bukan pejabat agama! Awak kena faham, saya nak selamatkan rumah tangga kita!” Balas ibu. Ayah terdiam tidak menjawab.

Ketika itu jam menunjukkan pukul 8.30 malam. Kedengaran laungan azan menunjukkan telah masuk waktu Isyak.

Allahu akbar. Allahu akbar.

Sama seperti hari-hari semalam, mereka asyik bergaduh di waktu Maghrib hingga mengabaikan solat. Aina berdoa dan berharap agar ini Maghrib terakhir ibu bapanya bergaduh. Semoga selepas ibu dan ayah ke pejabat agama esok, akan ada sinar kebahagiaan dalam rumah mereka. **Edisi**



PELABURAN KE NERAKA?



Oleh: Mohd Salleh Bin Abdul Saha (salleh@mais.gov.my)
Ketua Bahagian Dakwah dan Pemasaran, MAIS



Firman Allah SWT:

Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).

(Surah al-Baqarah: 188)

Dalam kaedah fiqh, terdapat satu kaedah yang berkaitan iaitu: "apabila berkumpul perkara yang halal dengan perkara yang haram, maka dimenangkan (dikira) yang haram." Kita boleh fahami di sini bahawa apa yang bercampur dengan perkara yang haram dan halal maka ia akan menjadi haram.

Mentaliti Masyarakat kita apabila melabur, mereka ingin cepat kaya tanpa memikirkan tempat pelaburan itu sama ada patuh syariah atau tidak janji memberikan keuntungan yang banyak. Pada masa kini jika kita ingin melabur ke tempat patuh syariah, kita boleh membuat semakan pasaran saham sama ada patuh syariah atau tidak di sesawang Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM).

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengklasifikasikan sesebuah syarikat sebagai sekuriti tidak patuh Syariah yang bertentangan dengan syarak iaitu :

- i. Perkhidmatan kewangan yang berteraskan riba;
- ii. Insurans konvensional;
- iii. Pembrokeran atau jual beli sekuriti tidak patuh Syariah;
- iv. Perjudian atau pertaruhan tidak patuh Syariah;
- v. Pengeluaran atau penjualan barang yang tidak halal atau barang yang berkaitan;
- vi. Aktiviti hiburan yang tidak selaras dengan syarak; patuh Syariah;
- vii. Pengeluaran atau penjualan barang yang berasaskan tembakau atau barang yang berkaitan; dan
- viii. Aktiviti lain yang didapati tidak selaras dengan syarak; patuh Syariah.

Bagaimanakah jika kita telah terlibat pelaburan tidak patuh syariah ini? Adakah dividen keuntungan itu perlu di zakatkan? Jangan keliru, duit yang dizakatkan adalah sumber dari yang halal. Maka sumber yang haram perlu dilupuskan di Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor.

Ini sejarah satu ketetapan berkenaan penyaluran wang tidak patuh syariah atau wang haram ini juga telah dibuat melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil. 1/2009 pada 18hb. Mac 2009 yang menyatakan:

- i. Wang tidak patuh syariah yang diperolehi boleh dijadikan sumber baitulmal dan harus dimasukkan ke dalam akaun baitulmal.

Penyerahan kepada Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor merupakan pilihan cara pelupusan yang utama, selamat dan meyakinkan serta mampu menyumbang kepada peningkatan sosio-ekonomi umat Islam sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Seksyen 7, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003: "maka hendaklah menjadi kewajipan majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam negeri Selangor selaras dengan hukum syarak."

Kesimpulannya sebelum kita ingin melabur, carilah ilmu dan pastikan pelaburan itu adalah patuh syariah. Semoga segala pemilikan harta yang kita miliki ini mendapat keberkatan dan kerahmatan dari Allah. **Edisi**

PALESTIN BERDARAH LAGI: IBRAH DAN PENGAJARAN



Oleh: Mohd Hafiz Bin Abdul Salam (hafizsalam@mais.gov.my)
Ketua Pusat Penyelidikan, MAIS

Kependudukan Israel ke atas tanah yang diberkati Allah SWT Palestin telah bermula apabila Resolusi 181 (Pembahagian tanah diantara Arab Palestin 57% – Yahudi Israel 43%) mendapat sokongan penuh daripada Amerika Syarikat (AS) dan undian sokongan sebahagian negara di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 1947.

► Kewujudan Israel

Pada 14 Mei 1948, negara Israel yang dirancang oleh Yahudi Zionis telah ditubuhkan di bumi Palestin. Bermula dari tarikh tersebut, telah lebih 7 dekad tanah Palestin dijajah dengan raksusnya oleh rejim Zionis. Masyarakat di negara ini umumnya mengetahui akan kekejaman rejim Zionis dimana hari ini kita dapat melihat bagaimana Israel mensasarkan kanak-kanak dan orang awam sebagai korban dalam meluaskan jajahan takluk mereka. Ini juga merupakan pembunuhan berskala besar yang dilakukan dalam sejarah kemanusiaan secara terang-terangan.

► Keistimewaan Tanah Palestin

Apakah yang menjadikan Palestin begitu istimewa? Baitulmaqdis yang terletak di Palestin adalah tempat penting bagi tiga agama samawi iaitu Yahudi dan Kristian, di mana orang melakukan ibadah "pilgrim," dan bagi agama Islam pula, ia adalah kota ketiga paling suci dalam agama Islam. Ia juga adalah tempat berakhirnya Isra' dan bermulanya Mi'raj Rasulullah SAW. Masjidil Aqsa yang disebut sebagai "bumi yang kami berkatinya" menunjukkan secara jelas kemuliaan Masjidil Aqsa. Ramai para Rasul lahir dan pernah berhijrah ke situ.

► Apa Tindakan kita?

Sebagai umat Islam kita harus bertanggungjawab ke atas Masjidil Aqsa. Oleh itu kita diwajibkan menggecam dan bertindak balas terhadap kekejaman Yahudi Israel diatas tindakan biadab mereka. Diantara salah satu tindakan yang boleh dilakukan oleh umat Islam negara kita adalah dengan konsisten memboikot barang keluaran Israel dan produk yang menyokong Israel dalam melakukan kekejaman melampau yang dilakukan rejim zionis terhadap Palestin. Tindakan tersebut sedikit sebanyak dapat memberi isyarat kecaman dunia dan menyedarkan mereka bahawa jenayah yang dilakukan itu akan turut memberi kesan kepada ekonomi mereka.

Namun begitu, dalam menyelami konflik tersebut terdapat ibrah dan pengajaran kepada umat Islam untuk melihat perkara tersebut dengan mendalam dan memahami hikmah disebalik sesuatu kejadian. Ibrah dan tindakan yang boleh diambil oleh masyarakat Islam adalah seperti berikut:

1. Terus kekal istiqamah berdoa dan bermunajat kepada Allah SWT bagi kesejahteraan Palestin;
2. Menyebarluaskan berita kekejaman Zionis-Israel di media-media sosial dan menentang dakyah dan berita palsu yang disebarluaskan oleh media-media pro-Israel;
3. Membaca Qunut Nazilah pada setiap solat fardhu kerana ia merupakan syariat Allah SWT bahkan ia juga syiar kesatuan ummah; dan
4. Menyumbang idea dan harta (kewangan) dalam membantu masyarakat Palestin.

Walau bagaimanapun, di Malaysia terdapat pelbagai badan bukan kerajaan menjalankan kutipan dana bagi membantu masyarakat palestin. Namun adalah sangat penting bagi kita untuk memastikan badan yang mengutip dan menyelia dana bantuan sumbangan tersebut mempunyai kredibiliti dan kemampuan untuk mengendalikan dana dengan telus dan cekap. Dalam masa yang sama, badan tersebut juga perlulah mempunyai serta telah mendapat kelulusan pungutan khairat dari Majlis Agama Islam Negeri. Di Selangor, kuasa dalam membenarkan organisasi, badan pertubuhan dan orang perseorangan bagi melaksanakan pungutan khairat yang berkaitan hal ehwal Islam perlu dapatkan kebenaran pungutan khairat bawah seksyen 106 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 (EPAINS). Berdasarkan seksyen tersebut, kebenaran kutipan tersebut adalah bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut hukum syarak. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Bahagian Harta Baitulmal bertanggungjawab untuk mengawal, menyelia serta mengeluarkan kebenaran kepada organisasi dan individu bagi melaksanakan semua jenis pungutan khairat di Negeri Selangor.

► Penutup

Secara kesimpulannya, marilah sama-sama kita mengambil pengajaran dan penghayatan agar dijadikan pedoman dan panduan kita diantaranya ialah umat Islam hendaklah bersabar dan bermunajat kepada Allah dalam setiap ujian yang telah ditakdirkan oleh Allah SWT dan kita hendaklah sedar bahawa rakyat Palestin telah lama hidup di bawah pendudukan Israel. Sebagai umat Islam yang perihatin, segeralah kita bertindak dan menjalankan tanggungjawab ke atas saudara kita berdasarkan kemampuan dan kekuatan kita agar Allah SWT memberikan kemenangan dan kebebasan kepada rakyat Palestin dalam menjalankan kehidupan dan ibadah dengan aman di bumi yang diberkati dimana didalamnya terdapat Masjid Al Aqsa. Wallahu'a'lam. **Edisi**

Harta Berkat, Jiwa Sihat



Oleh: Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi (syafiq@mais.gov.my)
Penolong Pengurus Komunikasi Korporat, MAIS

Harta Berkat, Jiwa Sihat. Betulkah perumpamaan ini? Mari sama-sama kita rungkaikan demi kebaikan bersama.

Umat Islam dituntut untuk mencari rezeki yang halal bukan sahaja untuk kebaikan di dunia malahan kebaikan di akhirat. Firman Allah SWT dalam al-Quran, surah al-Baqarah ayat 172 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, makanlah dari rezeki yang baik-baik yang Kami berikan kepadamu dan bersyukurlah kepada Allah SWT, jika betul kamu hanya beribadat kepada-Nya".

Dapat dilihat di sini bahawa Allah SWT telah memerintahkan kepada hambaNya, mencari rezeki yang halal akan menjamin kebaikan diri dan orang yang berada di sekeliling. Apakah tanda-tanda keberkatan dalam rezeki? Terdapat tujuh (7) tanda keberkatan dalam rezeki seseorang Islam itu.

1 Iman Yang Mantap Dan Hati Yang Semakin Dekat Dengan Allah SWT.

Apabila rezeki yang kita perolehi memiliki keberkatan, iman kita makin mantap dan hati kita lebih mudah dekat dengan Allah SWT. Kita mudah untuk melakukan amalan wajib dan sunat dan tidak bermalas-malasan dalam urusan ibadah.

2 Hati Semakin Rasa Tenang.

Dengan Rezeki yang berkat, akan meraih pandangan Allah SWT dengan diberinya ketenangan hati dan jiwa kita. Hanya Allah SWT yang berhak memberi ketenangan hati kepada kita.

3 Menjadi Insan Yang Pemurah.

Amalan memberi sedekah dan zakat juga mudah untuk kita lakukan tanpa ada rasa sayang kepada harta yang kita ada. Ini kerana kita sedar bahawa rezeki yang kita miliki datangnya daripada Allah SWT.

4 Akan Dijauhkan Daripada Bala Allah SWT.

Rezeki yang berkat akan mampu menjauhkan bala bencana, kerana Allah SWT sentiasa melindungi orang yang gemar mencari keberkatan dalam rezeki yang dimilikinya.

5 Dapat Membentuk Keluarga Yang Harmoni.

Tanda keberkatan rezeki yang seterusnya adalah keharmonian dalam keluarga. Cuba kita perhatikan sesetengah keluarga yang mungkin hidup serba kekurangan dari segi wang ringgit, namun mereka tetap aman damai dan hidup bahagia.

6 Menjadikan Anak-Anak Yang cemerlang Di Dunia Dan Akhirat.

Duit yang banyak tidak menjamin kecemerlangan anak-anak di masa hadapan. Namun, rezeki yang berkat yang kita cari mampu menghasilkan anak-anak yang taat kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW serta menjadi anak yang cemerlang dalam meniti hidup di dunia dan akhirat.

7 Sentiasa Merasa Cukup Dan Bersyukur Dengan Segala Bentuk Pemberian Allah SWT.

Setiap yang kita perolehi datangnya daripada Allah SWT. Dalam mencari rezeki yang berkat kita perlu sentiasa bersyukur dan merasa cukup dengan segala bentuk pemberian Allah SWT tersebut.

Kadang kala mungkin kita tidak cakna dengan sumber pendapatan yang diperolehi. Ada yang dilihat sebagai patuh syariah dan ada juga dikategorikan sebagai tidak patuh syariah. Bagaimana harta atau wang yang dimiliki itu tidak patuh syariah? Oleh yang demikian kita hendaklah sentiasa menyemak pendapatan kewangan kerana bermula dengan pendapatan kita, di situ lah keberkatan dikira.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ada menyediakan perkhidmatan melupuskan atau melunaskan wang tidak patuh syariah. Pelbagai aktiviti dan program yang dilaksanakan dalam menyampaikan dakwah dan memberikan pencerahan bagi melunaskan harta atau wang tidak patuh syariah. Kita boleh merujuk di laman sesawang MAIS di www.mais.gov.my untuk memulakan langkah dalam mencari keberkatan dalam memperolehi rezeki yang halal dan patuh syariah. Yakinlah hanya dengan halal hidup lebih berkat. **Edisi**

AGIH ZAKAT SENDIRI BERDOSA?



Oleh: **Ustaz Hamizul Bin Abdul Hamid** (hamizul@zakatselangor.com.my)
 Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan,
 Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Ya, benar. Sah, tetapi berdosa. Zakat itu sah jika ia sampai kepada asnaf yang berhak, namun perbuatan itu adalah berdosa kerana mengingkari arahan pemerintah. Inilah Fatwa Negeri Selangor 2007. Pemerintah maknanya ketua Agama Islam. Di Selangor, Ketua Agama Islam adalah Sultan.

Sedikit kontroversi, memang begitulah. Masakan memberi zakat dianggap berdosa. Hakikatnya, semua amalan dianggap sah jika ia menepati rukun, namun dosa itu tetap ada jika melanggar syarak. Solat sah namun berdosa jika baju yang dipakai baju curian. Syarak menyatakan mencuri berdosa. Demikian juga zakat. Zakat itu sah tetapi taat kepada pemerintah itu wajib dan mengabaikannya adalah berdosa.

Sejauh manakah kita kena taat? Cuba Semak firman Allah SWT: "Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nabi Muhammad) dan ulil amri (pemerintah) di kalangan kamu." (an-Nisa':59)

Allah SWT menggandingkan tiga jenis ketaatan. Kepada Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW adalah mutlak. Namun bagi pemerintah, hadnya ada. Selagi perintah itu dalam perkara kebaikan, taatilah ia. Arahan menunaikan zakat kepada amil adalah baik atau bagaimana?

Sabda nabi: "Mendengar dan taat (kepada pemerintah) itu memang benar, selama mereka tidak diperintahkan kepada maksiat. Jika mereka memerintahkan untuk bermaksiat, tidak boleh mendengar dan taat (dalam maksiat tersebut)." (Riwayat Bukhari).

Maka, di Selangor hukum memberikan zakat secara persendirian sebenarnya dilarang oleh Sultan. Mentaatinya adalah wajib. Ini kerana, amil yang dilantik oleh Sultan itulah tempat zakat disalurkan. Selain itu, jelas zakat yang diuruskan itu tidak ada ketirisan dan tiada peyelewengan. Malah membawa kesan yang sangat baik kepada umat.

Selain itu, ada satu hal lagi yang wajar diperhatikan dalam isu ini. Berpandukan Enakmen Jenayah Syariah Selangor Tahun 1995 (Seksyen 21): 'Sesiapa pun yang enggan menyerahkan zakat kepada amil yang dilantik oleh pemerintah, maka mereka boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya sekali.'

Harus diingat, biar pun asalnya agihan zakat secara persendirian itu khilaf; namun dengan adanya fatwa dan perintah yang jelas daripada pemerintah, maka ia sudah mengikat semua pandangan. Kaedah fiqh menyatakan: 'hukmul hakim yarfa'ul khilaf' yang bermaksud, 'keputusan hakim (pemerintah) adalah mengikat'. Oleh itu, jom tunaikan zakat kita di Lembaga Zakat Selangor sebagaimana yang diperintahkan. Wallahu'lam. **Edisi**



Bayaran
ZAKAT PENDAPATAN
 secara **BULANAN**
 kini lebih mudah melalui
DIRECT DEBIT

✓ Terjamin ✓ Termudah ✓ Terurus

TALIAN ZAKAT SELANGOR **1-300-88-4343**

01



Anda hanya
 perlu mengimbas
kod QR
 atau layari
<https://www.zakatselangor.com.my/directdebit/>

02

Lengkapkan borang ansuran
 zakat bulanan melalui **direct debit**.

03

Baca terma & syarat yang dinyatakan
 dan **klik daftar sekarang**.



USAHASAMA MYCARE & MAIS



Oleh: Shahru Effendy bin Md Saat (fendy@mais.gov.my)
Eksekutif Perhubungan Awam & Khidmat Pelanggan MAIS

MyCARE telah berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) sejak 22 Disember 2016.

Pendaftaran ini telah membawa kepada kerjasama akrab antara MyCARE dengan MAIS serta agensi dan anak syarikat MAIS seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Yayasan Islam Darul Ihsan (YIDE) serta lain-lain.

MyCARE telah menjadi pelaksana untuk beberapa projek tempatan antaranya agihan pek makanan, *Back2School*, latihan keusahawanan, bengkel jana dana, program bersama kanak-kanak, remaja dan wanita serta pelbagai lagi.

MyCARE aktif dalam beberapa aktiviti tempatan terutama menyalurkan bantuan kemanusiaan, program agihan sumbangan seperti beg, peralatan sekolah, telelung, sejадah, *comforter*, pengisian tentang isu kemanusiaan terkini, projek 1 tabung 1 keluarga serta projek latihan dan pembangunan wanita kepada kumpulan sasaran.

Antara program dan aktiviti MyCARE yang telah dilaksanakan bersama MAIS adalah:

- A Program sumbangan makanan asasi kepada pemandu limosin KLIA yang terjejas akibat Pandemik COVID-19;
- B Program agihan bantuan fidyah MAIS di beberapa daerah Selangor;
- C Program kelas pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain Wanita Orang Asli Bukit Bandaraya;
- D Program agihan bantuan persekolahan.



LATAR BELAKANG MYCARE

MyCARE atau Humanitarian Care Malaysia Berhad adalah sebuah badan kemanusiaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dengan profil bukan bermatlamatkan keuntungan (*non-profit organization, NPO*) selain berdaftar di bawah MAIS. Jaringan bantuan kemanusiaan MYCARE meliputi:



A Negara-negara bergolak di Timur Tengah seperti Palestin, Syria, Lubnan, Yaman dan Iraq;

B Komuniti yang memerlukan di Myanmar, Vietnam, Filipina, Kembuja, Indonesia, Thailand dan Malaysia;

C Kawasan yang ditimpa bencana seperti banjir, tanah runtuh, gempa bumi atau tsunami dalam negara dan luar negara.

MyCARE akan memanfaatkan kekuatan komuniti yang telah dibina untuk membantu mencapai matlamat berikut:

- a. Membasmi kemiskinan;
- b. Sifar kelaparan;
- c. kesihatan dan kesejahteraan;
- d. Rahmatan lil-alamin
- e. Pendidikan yang berkualiti;
- f. pembangunan ekonomi dan peluang pekerjaan;
- g. kerjasama dan persefahaman dalam mencapai matlamat.

TERIMA SUMBANGAN MAIS

Selain aktif dalam mengagihkan dan menyalurkan bantuan kemanusiaan, MyCARE merupakan PIBK yang menerima sumbangan MAIS.

Sumbangan diberikan berdasarkan komitmen pertubuhan dalam menangani ancaman akidah dan sosial selain diukur mengikut Penilaian Prestasi Keberkesanan Laporan Program PIBK MAIS bagi tempoh setahun.

Sehingga kini, jumlah PIBK di bawah MAIS pada tahun 2023 adalah sebanyak 77 buah PIBK. Kesemua PIBK tersebut dibahagikan kepada 10 Kluster iaitu Kluster Dakwah & Islah, Kluster Pemantapan Akidah, Kluster Pemerksaan Halalan Toyibban, Kluster Pendidikan Islam dan Kluster Pembangunan Muallaf, Kluster Pendidikan Islam, Kluster Pemulihan Riqab, Kluster Kebajikan Fakir dan Miskin, Kluster Kebajikan Anak Yatim, Kluster Pembangunan Kekeluargaan Islam dan Kluster Amal Makruf Nahi Mungkar. MAIS berharap agar sumbangan ini dapat dimanfaatkan ke jalan yang direhui oleh Allah SWT. **Edisi**

Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



MAIS Sertai Konvensyen Pengurusan Hal Ehwal Islam Seluruh Malaysia

OKTOBER 2023 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menyertai Konvensyen Pengurusan Hal Ehwal Islam anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sempena Ijtimak Perdana Agensi Agama Seluruh Malaysia (IJPAM SABAH 2023). [Edisi](#)



Multaqa Pendakwah Bertauliah Negeri Selangor Dan Pelancaran Perkhidmatan Digital Pengurusan Tauliah Mengajar Negeri Selangor

OKTOBER 2023 – MAIS dan JAIS turut mengambil peluang ini bagi melancar dan memperkenalkan Perkhidmatan Digital Pengurusan Tauliah Mengajar Negeri Selangor yang dirasmikan oleh Pengerusi MAIS, YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof. MAIS dan JAIS komited dalam pembangunan inovasi dengan menyediakan sistem digital yang akan menghasilkan kualiti kerja yang lebih efektif dan telus dalam pengurusan tauliah di negeri Selangor. Sistem E-Tauliah ini merupakan yang pertama di Malaysia dan Selangor merupakan perintis kepada pembangunan pengurusan tauliah secara digital sepenuhnya. Kad Tauliah Mengajar telah melalui beberapa transformasi iaitu bermula pada tahun 1988, 2003, 2010, 2017 dan yang terkini pada tahun 2023 dengan memperkenalkan Kad Digital Perakuan Tauliah. [Edisi](#)



MAIS Sumbang RM200 Ribu Kepada Palestin

NOVEMBER 2023 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyerahkan sumbangan berjumlah RM200,000.00 kepada Musaadah Tabung Kecemasan Misi Kemanusiaan kepada Rakyat Palestin sebagai tanda solidariti terhadap rakyat Palestin yang terlibat dengan perperangan bagi membantu dan meringankan beban dan penderitaan di negara mereka. [Edisi](#)



MAIS Galak Orang Ramai Sucikan Harta Anjur Kempen Kesedaran Wang Tidak Patuh Syariah

NOVEMBER 2023 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah melancarkan sebuah kempen yang dinamakan Kempen Bulan Kesedaran Penyaluran Wang Tidak Patuh Syariah ke Baitulmal MAIS bagi memberi kesedaran kepada orang ramai untuk mengurus harta secara bijaksana sebagaimana yang dituntut oleh hukum syarak. [Edisi](#)

Agihan Fidyah MAIS RM53,664.00 Diagih Kepada 312 Penerima Yang Layak

DISEMBER 2023 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mengagihkan kutipan fidyah berjumlah RM 53,664.00 kepada golongan penerima yang memerlukan. Terdapat 2 tempat agihan iaitu semuanya di daerah Petaling dengan jumlah 312 orang penerima barang kotak makanan kering. [Edisi](#)



Program Pembimbing Rakan Komuniti (Kategori Alumni Dadah) “Pencarian Da’ie” Fasa 3, Tahun 2023

DISEMBER 2023 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Bahagian Pemulihan Riqab telah menganjurkan Program yang berlangsung bermula 8 hingga 10 Disember 2023 diadakan bertujuan untuk melatih asnaf-asnaf riqab dalam kalangan yang telah bebas daripada dibelenggu dadah di samping melahirkan mereka sebagai seorang da’ie ataupun Pembimbing Rakan Komuniti. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Mufti Selangor



Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor



Sumber : Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor



Lawatan Ahli Majlis Dan Pegawai Majlis Perbandaran Hulu Selangor Ke Balai Cerap Selangor

OKTOBER 2023 - Balai Cerap Selangor (BCS) telah menerima lawatan daripada Ahli Majlis dan Pegawai Majlis Perbandaran Hulu Selangor pada 02 Oktober 2023. Para pelawat telah diberikan taklimat mengenai fungsi dan peranan Balai Cerap Selangor sambil melihat galeri pameran dan gambar-gambar objek samawi khususnya koleksi anak bulan serta melihat kecanggihan sistem teleskop robotik di Balai Cerap Selangor. [Edisi](#)



Program Bicara 2 Mufti

DISEMBER 2023 - Program Bicara 2 Mufti bersama Y.A.D. Dato' Setia Prof. Madya Dr. Hj. Anhar bin Hj. Opir, SS. Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor & YBhg. SS. Datuk Prof. Madya Dr. Luqman bin Haji Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan bertempat di Masjid Bukit Kapar 2, Klang. [Edisi](#)



Produk Inovasi JAKESS 'e-NAF' Johan Kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penciptaan)

OKTOBER 2023 - Kumpulan KIK Jaegars Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) mencipta sejarah gemilang buat jabatan ini dengan julung kalinya merangkul anugerah Johan Kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penciptaan) dengan produk inovasi e-Naf pada Majlis Penyampaian Hadiah Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor 2023 bertempat di Kuala Lumpur Konvensyen Centre, jumaat lalu. [Edisi](#)



JAKESS Terima Kunjungan Hormat Daripada Delegasi PTA Makassar Bagi Sesi Studi Banding Bahagian Sokongan Keluarga

NOVEMBER 2023 - Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) telah menerima kunjungan hormat daripada Pengadilan Tinggi Agama (PTA) Makassar, Peradilan Agama Indonesia disini. [Edisi](#)

Penyertaan Sulung JPSS Ke Pertandingan Inovasi Agensi Agama Islam Negeri Selangor 2023

NOVEMBER 2023 – Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor telah menghantar pasukan pertama menyertai pertandingan Inovasi Agensi Agama Islam Negeri Selangor Tahun 2023. [Edisi](#)



JPSS Terima Kunjungan Hormat Daripada Deligasi Fakultas Hukum, Universitas Indonesia Bagi Sesi Temubual Dan Penyelidikan

DISEMBER 2023 - Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (JPSS) telah menerima kunjungan hormat daripada Fakultas Hukum, Universitas Indonesia dan wakil Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Deligasi seramai 6 orang tersebut diketuai oleh Dr. Parulian Paidi Aritonang, Dekan Fakultas Hukum Universitas Indonesia bersama pensyarah dan beberapa pelajar. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Agama Islam Selangor



Program Zikirwalk Hari Shah Alam Tanpa Kenderaan

OKTOBER 2023 – Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dengan kerjasama BAKAJASA - Persatuan Badan Kebajikan Jabatan Agama Islam Selangor telah menganjurkan program Zikirwalk bersempena hari Shah Alam Tanpa Kenderaan edisi Oktober dengan bertemakan Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Shah Alam ke-23. Program Zikirwalk ini telah diadakan di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, Seksyen 14. [Edisi](#)



Kunjungan Hormat Kedutaan Besar Malaysia Jordan Ke Jabatan Agama Islam Selangor Elmina

NOVEMBER 2023 - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menerima kunjungan hormat daripada kedutaan besar Malaysia Jordan yang bertempat di Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam. [Edisi](#)



Pelancaran Buku Garis Panduan Pengurusan Kewangan, Perolehan Dan Aset Masjid Dan Surau Negeri Selangor Tahun 2023

DISEMBER 2023 – Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan merasmikan Pelancaran Buku Garis Panduan Pengurusan Kewangan, Perolehan Dan Aset Masjid Dan Surau Negeri Selangor Tahun 2023 di Istana Alam Shah, Klang. [Edisi](#)



Sumber : Perbadanan Wakaf Selangor



PWS Hadiri Perbincangan Pembukaan Akaun Wakaf Khas Pembinaan Quranic Valley

OKTOBER 2023 - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah menghadiri perbincangan pembukaan akaun wakaf khas bersama Kumpulan Media Karangkraf bertempat di Seksyen 15. [Edisi](#)



PWS Santuni Ahli Kariah Masjid Nurul Iman Kg. Telok Gadong Sempena Kuliah Maghrib: "Hartaku... Kemana Ia Pergi"

NOVEMBER 2023 - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dengan kerjasama Masjid Nurul Iman, Kg. Telok Gadong telah meraikan Majlis Kuliah Maghrib yang telah disampaikan oleh Al Fadil Ustaz Don Daniyal bin Don Biyajid. [Edisi](#)



PWS Johan Bagi Kejohanan Kayak Sempena Program Sukan MAIS 2023

DISEMBER 2023 – Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menyertai Kejohanan Kayak sempena Program Sukan MAIS 2023, Agensi dan Anak Syarikat MAIS yang dihoskan oleh Universiti Islam Selangor (UIS) yang diadakan di Tasik UIS Bandar Seri Putra, Kajang. [Edisi](#)



Sumber : Lembaga Zakat Selangor



Sumber : Universiti Islam Selangor



Sumber : Yayasan Islam Darul Ehsan



LZS Agih RM34.25 Juta Bantuan Khas Keperluan Hidup Santuni 68,500 Penerima

NOVEMBER 2023 - Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengagihkan RM34.25 juta menerusi Bantuan Khas Keperluan Hidup bagi menyantuni 68,500 asnaf fakir, miskin dan muallaf di Selangor. Simbolik penyerahan bantuan diadakan dalam satu majlis bertempat di Masjid AlFalah, Kampung Jenjarom. [Edisi](#)



LZS Terima Zakat Perniagaan RM19.6 Juta

DISEMBER 2023 - Lembaga Zakat Selangor (LZS) optimis dapat mengutip kutipan zakat perniagaan berjumlah RM167 juta seperti yang disasarkan untuk tahun ini. Sehingga November 2023, sebanyak RM117 juta telah dikutip melalui zakat perniagaan dengan jumlah keseluruhan kutipan zakat sebanyak RM791 juta. [Edisi](#)



4th International Innovation, Technology & Research Exhibition And Conference (ITREXC 2023)

OKTOBER 2023 - Tahniah buat Fakulti Multimedia Kreatif dan Komputeran, Universiti Islam Selangor atas penganjuran 4th International Innovation, Technology & Research Exhibition and Conference (ITREXC 2023) yang telah diadakan pada 21hb Oktober 2023 bertempat di Conference Hall 3, Kuala Lumpur Convention Centre bersempena 7th Selangor International Business Summit. [Edisi](#)



Kolaborasi Antara UIS Dengan 5 Agensi Bakal Manfaat Pelajar "Industry Ready"

DISEMBER 2023 – Universiti Islam Selangor melalui Pusat Jaringan Komuniti dan Industri (PJKI) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan empat buah agensi dan satu Memorandum Perjanjian (MoA). Kerjasama UIS ini melibatkan Japan Da'wah Centre, Koperasi Kakitangan Petronas Berhad (KOPETRO), Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd, Persatuan Peruncit Dan Pembekal Bumiputera Malaysia (MYBURSA) dan MoA bernilai RM1.2 juta dengan MIKAZA DRG SDN BHD. [Edisi](#)



YIDE Santuni 20 Keluarga Mangsa Banjir Di Kg Bangi Lama

NOVEMBER 2023 - YIDE turun padang menyantuni 20 buah keluarga mangsa banjir yang ditempatkan di Pusat Penempatan Sementara Banjir Sekolah Kebangsaan Bangi selepas kediaman mereka ditenggelami air. [Edisi](#)



Lawatan Tapak Untuk Memantau Perkembangan Progres Pembinaan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah, Klang, Selangor

DISEMBER 2023 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) bersama Central Spectrum (M) Sdn. Bhd. telah mengadakan siri perbincangan dan lawatan tapak untuk memantau dan melihat perkembangan terkini pembinaan Kompleks Asrama Anak Yatim tersebut yang direka khusus untuk menempatkan seramai 150 orang anak yatim dengan kemudahan yang lengkap seperti penginapan asrama, surau, dewan serbaguna, dan pelbagai fasiliti yang dapat memperkasakan kesejahteraan mereka. [Edisi](#)



JOM BERBAHASA ARAB MUDAH!

(Siri 4/2023)



Oleh: Ustaz Hamizul Bin Abdul Hamid
 (hamizul@zakatselangor.com.my)
 Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan,
 Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Assalamu'laikum wrt. Apa khabar semua? Kaifahalukum Jamian? Sebelum kita melanjutkan komunikasi dalam Bahasa Arab mudah pada kali ini, mari kita baca satu rangkap kata-kata hikmah:

تَعْلَمُوا الْعَرَبِيَّةَ، فَإِنَّهَا مِنْ دِينِكُمْ

Transliterasi Melayu: Ta'allamul 'arabiyyah, fa innaha min dinakum.
Ertinya: "Pelajarilah Bahasa Arab, kerana seseungguhnya Bahasa Arab itu adalah sebahagian dari agama kamu."

Baiklah, pada kali ini kita akan mempelajari nama-nama peralatan di atas meja pula.

Bahasa Arab	Bunyi dalam Bahasa Melayu	Maknanya
كتاب	Kitaabun	Buku
دفتر	Daftaran	Buku Tulis atau Buku Latihan
قلم	Qalamun	Pen
قلم الرصاص	Qolamur roshoshi	Pensil
قلم الحبر	Qolamul hibri	Pen penanda (Marker pen)
مسحاة	Mimsahatun	Pemadam
مقلمة	Miqlamatun	Bekas pensil
مقص	Miqosshun	Gunting
قسطاس	Qirtoosun	Kertas
جريدة	Hibrun	Dakwat
مذكرة	Muzakkaratun	Catatan
مسطة	Mistorotun	Pembaris
مبرأة	Mibrootun	Pengasah pensil
مرآلة	Mazbalatun	Tempat sampah
صورة	Shuuratun	Gambar
ساعة	Saaa'atun	Jam
قلم ملون	Qalamun Mu'lawanun	Pensil warna
غلاف	Ghilaafun	Sampul

Inilah sebahagian daripada Bahasa Arab mudah yang selalu kita jumpa setiap hari, iaitu barang-barang keperluan di atas meja.

Jika raijin, boleh dicetak dan dipotong mengikut jenis barang dan dilekatkan perkataan Arabnya, agar lebih memudahkan kita dalam menguasainya.

Baiklah, sampai jumpa lagi pada episode yang akan datang. Ilalliqa (semoga jumpa lagi). **Edisi**

SIRI BELAJAR JAWI

(SIRI KETIGA PULUH LAPAN)

اوليه : نورانيتا بنت عبد الرحمن
 منشي ديوان (جاوي)

"هوموگرف قاسخن کات سلاءین کات ملايو جاقي"

سيري يع لفنس کيت تله ممبیچاراکن تاجوق فراوبهن ايجاءن جاوي دالم تاجوق هوموگرف معيکوت بوکو "ڏدونمن عموم ايجاءن جاوي". میشكو اين کيت ليهت هوموگرف يع مليبتکن کات ڦينجمن بهاس اسيع. ڦاعدهن، هوموگرف ڏبنزکن برلاکو افابيلا مليبتکن ڦاسخن کات سلاءين دري کات ملايو جاقي سهاج.

1- ڦاسخن کات بهاس دري سيسنتم يع سام. چونتوهنه :

ڦينجمن بهاس ایڠکریس	بیت (bit)	←	ڦينجمن بهاس ایڠکریس	بیت (bet)
------------------------	-----------	---	------------------------	-----------

2- ڦاسخن ڦركاتاءن کات ملايو جاقي دغන کات ڦينجمن بهاس اسيع چونتوهنه :

ڦينجمن بهاس ایڠکریس	کیت (kit)	←	کات ملايو جاقي	کیت (kita)
ڦينجمن بهاس عرب	تولیه (tauliah)	←	کات ملايو جاقي	تولیه (toleh)

3- ڦاسخن کات بهاس دري سيسنتم يع سام. چونتوهنه :

ڦينجمن بهاس ایڠکریس	هنتر (hantar)	←	کات ملايو جاقي	هنتر (hantar)
سترا لام	تندس (tendas)	←	کات ملايو جاقي	تندس (tandas)
جاوا	کنڅخ (ganteng)	←	کات ملايو جاقي	کنڅخ (gantang)
ارکايك	کمبر (kambar)	←	کات ملايو جاقي	کمبر (kembar)

نامون بکيتو، ڦعکوناءن حروف فوكل ڏکوناکن باکي معيجا کات هوموگرف بهاس عرب. ڦعکوناءن فوكل اين برتوجوان مروڠکاي ککليروان سبوتنهن دالم بهاس ملايو. چونتوهنه :

ایڳان جاوي	ایڳان جاوي	سبوتنهن	هوموگرف عرب
(muhamar)	(muhrim)	Muhrim Muhamar	محرم
(zakar)	ذیکر (zikir)	Zikir Zakar	ذكر

DR. MUHAMMAD YUSUF MARLON

Dahulu Pelajar Muallaf Kini Pensyarah Kanan Pengajian Islam



Oleh: Dr. Halim bin Mokhtar (halim@kuis.edu.my)

Pensyarah Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

Perspektif Ilmu

Dr Muhammad Yusuf Marlon Abdullah merupakan Pensyarah Kanan di Universiti Islam Selangor yang aktif dengan program pembangunan muallaf di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan NGO Islam. Berasaskan pertimbangan ilmu dan hidayah daripada Allah SWT beliau telah mengambil keputusan mengucap syahadah pada 12 Januari 2000. Dengan niat yang ikhlas sepanjang perjalanan menuntut ilmu akhirnya berjaya mencipta kecemerlangan dan menjadi ikon muallaf yang berjaya. Ilmu adalah aset kecemerlangan muallaf. Beliau menjadikan Ilmu sebagai senjata yang paling ampuh dan terbaik untuk mengubah diri muallaf dalam mencapai kesejahteraan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat serta menutup segala kebejatan yang sering menghantui muallaf selepas memeluk agama Islam.

Travelog Ilmu

Memulakan langkah pertama dengan mempelajari alif ba' ta' di Institut Dakwah Islamiah PERKIM, Pengkalan Chepa Kelantan. Dengan bantuan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berjaya menamatkan Sijil 4 Thanawi Pengajian Dakwah dan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia di Kelantan. Seterusnya menyambung pengajian di peringkat Diploma di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang dibiayai penuh oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan tamat dengan keputusan cemerlang.

Menyedari Ilmu adalah aset yang sangat bernilai dan kejahanan sesuatu yang merugikan, travelog Ilmu telah diteruskan di tiga peringkat pengajian tertinggi iaitu peringkat Sarjana Muda Pengajian Islam, Sarjana Pengajian Islam dan Doktor Falsafah di Jabatan Dakwah dan Kepimpinan di Fakulti Pengajian Islam UKM sebagai gelanggang Ilmu dan telah mencapai kejayaan cemerlang dan Graduate on time. Inilah anugerah Allah SWT yang terindah kepada insan yang cintakan ilmu sehingga diper mudahkan dan dimurahkan rezeki sepanjang perjalanan ilmu yang ditempuhi. Semua itu akan dapat dicapai jika meletakkan ilmu sebagai teras kecemerlangan diri sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud "Allah SWT meninggikan derjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan (daripada kalangan kamu) dengan beberapa derjat". (al-Mujadalah: 11)



Titipan Ilmu

Dr Muhammad Yusuf menitipkan beberapa pesanan kepada Sahabat muallaf antaranya:

1. Muallaf bersedia merebut Peluang. Hidup mesti berwawasan dengan meletakkan ilmu sebagai keutamaan setelah memeluk Islam. Menghapuskan kejahanan diri adalah wajib. Pusat Zakat Selangor sentiasa memberikan peluang kepada muallaf yang ingin mendalami ilmu khususnya dalam bidang agama. Sahutlah cabaran jangan sering beralasan.

2. Muallaf bersedia menjadi Sumber Rujukan. Dengan ilmu yang dimiliki pastinya menjadi rujukan keluarga dan rakan-rakan. Pengalaman semasa belajar di IDIP Kelantan Al-Marhum Tuan Guru Nik Aziz pernah memberikan ucapan khusus kepada muallaf iaitu "tidak mustahil muallaf yang ada di hadapan saya ini akan menjadi rujukan kepada orang yang lahir Islam" dan kata-kata itulah yang memberikan sinar kepada muallaf untuk terus mendalami ilmu Islam.

3. Muallaf bersedia menjadi Agen Islam. Kemampuan untuk memahami dan menjelaskan ajaran Islam dengan baik ketika berlaku persepsi dan salah faham di kalangan masyarakat non Muslim seperti isu penukaran agama dan nama, meraikan perayaan yang jelas bertentangan dengan syariat Islam dan sebagainya merupakan alternatif yang terbaik dalam menerangkan kebenaran dan membina keharmonian beragama.

4. Muallaf bersedia sebagai Pendakwah. Menyampaikan mesej Islam melalui perkongsian, konsultasi, motivasi dan aktiviti yang mempromosikan keharmonian, kebaikan dan kesejahteraan menepati dengan falsafah ajaran Islam.

5. Muallaf bersedia untuk Berubah. Hidup adalah perjuangan. Jadikan Ilmu sebagai bekalan. Matlamat menuntut ilmu mestilah ikhlas kerana Allah. Bersedia berkorban dari sudut tenaga, masa, kewangan dan kehidupan. Jangan malu dan malas dalam menuntut Ilmu. Mohonlah Taufiq dan Hidayah Allah. Binalah masa depan yang cemerlang dengan Ilmu.

Sesungguhnya Dr. Muhammad Yusuf Marlon telah menjadi contoh dan ikon muallaf terbaik. Dahulu pelajar muallaf tajaan MAIS sekarang pembayar zakat di LZS. Sumber inspirasi kepada muallaf untuk meneruskan perjuangan Ilmu. Justeru Universiti Islam Selangor (UIS) bersedia menawarkan peluang kepada muallaf khususnya anak-anak muallaf untuk melanjutkan pengajian dengan bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor dan Pusat Zakat UIS. #jommasukUIS #knowledgeispower. **Edisi**

BIODATA:

Nama: Muhammad Yusuf Marlon Abdullah

Nama lama: Marlon Pontino Guleng

Agama asal: Roman Katolik- Kristianiti

Tarikh Memeluk Islam: 12 Januari 2000

Tempat Lahir: Baguio City Luzon, Filipina

Kerjaya: Pensyarah Kanan, Jabatan Dakwah & Usuluddin,

Fakulti Pengajian Peradaban Islam Universiti Islam Selangor

WANG HARAM MENANGGUNG NAFKAH?



Oleh: Mohamad Shukry Bin Sulaiman (shukry@muftiselangor.gov.my)
Ketua Penolong Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor

Harta tidak patuh syariah ialah harta haram yang diperoleh melalui jalan-jalan yang tidak syarie iaitu mengambil harta yang terdapat larangan ke atasnya atau terdapat balasan (had) ke atas pelakunya, atau terdapat janji buruk berkaitannya, atau yang dinamakan sebagai batil oleh Allah S.W.T.

Mutakhir ini ramai di kalangan masyarakat Islam yang sudah ketandusan rohani akibat sikap materialistik yang menguasai diri. Bagi mereka, segala sesuatu adalah bernilai dengan nilai harta. Manusia sanggup bergolok gadai untuk memperoleh sebanyak mungkinkekayaan, mereka tidak mempedulikan dari mana datangnya harta yang diperoleh, apakah dari sumber yang halal atau dari sumber yang haram. Yang penting, harta dapat dikumpulkan sebanyak-banyaknya untuk memenuhi kehendak nafsu atau pun untuk melayan kehendak keluarga supaya dapat hidup dengan kemewahan dan keseronokan.

Rasulullah SAW ada bersabda, setiap daging yang terbina daripada harta haram maka neraka lebih layak untuknya. (Hadis Sahih, Riwayat Imam Al-Tirmizi)

Mengguna dan membelanjakan harta haram hukumnya adalah haram kerana Islam amat menitikberatkan urusan pengurusan harta sama ada diperoleh daripada pendapatan halal atau haram serta bagaimana ia dibelanjakan.

Harta yang diperolehi daripada sumber yang haram akan dimurkai oleh Allah SWT dan boleh menyebabkan seseorang itu dihumban ke dalam neraka pada hari akhirat kelak. Walaupun seseorang itu melakukan amal soleh seperti solat, puasa, berjihad di jalan Allah SWT, mati syahid dan sebagainya, dia akan tetap mendapat azab di neraka jika dia memperoleh dan memiliki harta daripada sumber yang haram.

Memperolehi harta yang diharamkan oleh Islam adalah seperti rasuah, pecah amanah, penipuan di internet, riba, memakan harta anak yatim, mencuri tulang ketika melakukan pekerjaan, bermiaga sesuatu yang diharamkan oleh syariat, menipu dalam timbangan, mencampur adukkan barang yang elok dengan barang rosak, menjual barang yang merbahaya kepada kesihatan dan lain-lain lagi.

Harta yang diperoleh daripada sumber yang haram akan mendatangkan kesan yang buruk kepada diri kita. Antara kesan

buruk yang akan menimpa kita disebabkan makan dari hasil harta yang haram ialah;

1. Doanya tidak akan diterima atau tidak dikabulkan oleh Allah SWT.
2. Daging yang tumbuh daripada harta yang haram akan dibakar oleh api neraka.

Perlu juga kita ketahui bahawa makanan dan rezeki yang menjadi sajian keluarga akan mempengaruhi sikap, perangai, air muka, hati, dan keseluruhan kehidupan. Sesungguhnya haram itu jelas, halal itu jelas dan antara kedua-duanya ada benda-benda yang syubhah.

Rasulullah SAW menjelaskan orang yang mencari rezeki halal untuk memenuhi keperluan keluarganya sama seperti mujahid dan syuhada. Baginda bersabda bermaksud: "Barang siapa mencari rezeki halal untuk menafkahai keluarganya, ia laksana mujahid (pejuang) di jalan Allah SWT. Barang siapa mencari harta halal untuk menjaga diri daripada keharaman, ia berada pada darjah syuhada (orang yang mati syahid)." (Hadis riwayat Muslim).

Fuqaha bersepakat mengatakan harta tidak patuh syariah ini tidak boleh dilupuskan atau dibuang atau dibazirkan begitu sahaja. Fuqaha sepakat berpandangan bahawa harta ini perlu digunakan atau diagihkan demi kemaslahatan umum. Perbuatan melupuskan harta tidak patuh syariah ini juga menyalahi kaedah syarak yang melarang tindakan *idha'ah al-mal* iaitu mensiasaikan harta tanpa dimanfaatkan.

Dalam hal ini, menurut Yusuf al-Qaradawi, harta yang diperoleh secara tidak sah atau sesuatu yang haram itu tidak boleh dimiliki sebaliknya ia menjadi milik kepada maslahah 'ammah. Harta tidak patuh syariah ini tidak boleh sama sekali digunakan bagi tujuan kepentingan diri sendiri, ahli keluarga atau sanak saudara. Bahkan ia menjadi milik umum seperti dibelanjakan kepada perkara-perkara kebajikan seperti membantu anak-anak yatim, perkembangan dakwah atau perkara yang bersifat umum.

Sebagai kesimpulannya, berusahaalah mencari rezeki yang halal sedaya upaya dan menafkahai keluarga yang diperoleh daripada sumber-sumber yang diredhai oleh Allah SWT, yang sudah pasti akan diberkati dan mencukupi walaupun sedikit. Adalah sangat penting kepada seorang Muslim mencari rezeki yang halal kerana pada prinsipnya, halal itu amat jelas dan mudah diketahui seperti mana perkara haram amat nyata dan wajib dihindari. Sesuatu yang meragukan dalam urusan harta mestilah dielakkan supaya tidak membawa kepada yang haram.

Sekiranya kita ragu-ragu tentang halal dan haram, merujuklah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk mendapatkan jawapan yang tuntas. Layari www.mais.gov.my. Edisi



HIBURAN TIDAK PATUH SYARIAH



Oleh: Hasal Bin Senin hasal@mais.gov.my
Pembantu Eksekutif (Unit Pembangunan Kompetensi, MAIS)

Islam merupakan sebuah agama pertengahan yang amat menekankan aspek spiritualiti dan pembangunan rohani, tapi pada masa sama turut membenarkan penganutnya berhibur dan berseronok, selagi mana ia tidak melampaui batas-batas syarak. Keinginan untuk berhibur dan kecintaan kepada kecantikan serta keindahan merupakan fitrah insani yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada hamba-hambaNya.

Dr Yusuf al-Qaradawi dalam bukunya bertajuk '*al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*' menyatakan bahawa hiburan adalah diharuskan kerana boleh menggembirakan hati, merehatkan minda, menyenangkan jiwa dan menyedapkan pendengaran dengan syarat tidak dicampuri kata-kata kotor, keji atau yang boleh menimbulkan perbuatan dosa.

Sehubungan itu, keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil.2/2015 yang bersidang pada 7 April 2015 bersamaan 17 Jumadal Akhirah 1436H memutuskan bahawa;

"Memperakukan Garis Panduan Hiburan dalam Islam edisi kedua yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)" - Dikemaskini pada 26 September 2014.

Teras dalam pengubalan garis panduan ini didasari oleh keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dalam persidangan kali ke-2 pada 12 Mei dan 13 Mei 1981 seperti yang berikut;

- i. Nyanyian yang senikatanya baik, tidak lucah, tidak biadap dan tidak mendorong kepada maksiat, tidak bercampur gaul antara lelaki dengan perempuan dan tidak membawa kepada fitnah adalah harus;
- ii. Jika nyanyian senikatanya tidak baik, lucah, biadap, mendorong kepada maksiat, bercampur gaul lelaki dengan perempuan dan membawa kepada fitnah maka nyanyian itu adalah haram;
- iii. Pancaragam yang melalaikan hukumnya haram;
- iv. Mendengar nyanyian dan pancaragam adalah harus dengan syarat senikatanya baik, tidak lucah, tidak biadap, tidak bercampur lelaki dengan perempuan dalam keadaan yang tidak menimbulkan fitnah;
- v. Menyanyi untuk menimbulkan semangat jihad adalah harus.

Objektif garis panduan ini adalah untuk:

- i. Memberi panduan kepada pihak yang terlibat dalam aktiviti dan industri hiburan untuk berkarya tanpa melepas batasan syarak;
- ii. Membantu para pengatur dan pihak penerbit dalam menyusun atur program yang mengandungi aspek hiburan sejarah dengan didikan Islam dengan mengambil kira keperluan masyarakat, bangsa, agama dan Negara;
- iii. Membantu pihak berkuasa untuk memastikan penganjuran program hiburan dalam bentuk tontonan terpimpin kepada masyarakat secara umumnya berteraskan akidah, syariah dan nilai-nilai akhlak; dan
- iv. Memupuk kefahaman di kalangan masyarakat awam mengenai bentuk hiburan yang dianjurkan dalam Islam.

Moga bermanfaat dan asbab kebaikan. **Edisi**



SEWAAN PREMIS



01
BANDAR HILLPARK PUNCAK ALAM

3.215659, 101.455315

KEDAI &
PEJABAT

1,375kps-1,540kps
RM1,500-RM3,000

04
THE RIGHT ANGLE, SEKSYEN 14, PETALING JAYA

3.111745, 101.633876

PEJABAT

1,540kps
RM900-RM1,700



07
JALAN MAHSURI, SUNGAI BESAR

3.674972, 100.985980

PEJABAT

1,548kps
RM1,000



02
KOMPLEKS AMANIAH, BATU CAVES, GOMBAK

3.235509, 101.675237

PEJABAT

1814kps-932kps
RM1,300-RM1,750

05
MUTIARA TROPICANA, PETALING JAYA

3.129582, 101.599211

PEJABAT

1,679kps
RM3,500



08
TAMAN SERI MAJU, BANTING, KUALA LANGAT

2.844110, 101.643744

KEDIAMAN



09
PANGSAPURI SINTAN, TAMAN PUTRA PERDANA,
PUCHONG

2.946456, 101.621753

KEDIAMAN



03
PANGSAPURI BESTARI, SEKSYEN 16, SHAH ALAM

3.052030, 101.502916

PEJABAT &
KEDIAMAN

947kps-1,700kps
RM1,000-RM2,000

06
SEKSYEN 17, PETALING JAYA

3.121012, 101.630325

KEDIAMAN

1,404kps
RM2,200




10
KOMPLEKS MAIS, KLANG

3.049736, 101.449029

PEJABAT

210kps-510kps
RM500-RM1000



11
WISMA MAIS SEKSYEN 3, SHAH ALAM

3.075258, 101.510561

KEDAI /
KEDIAMAN /
PEJABAT

KEDAI
435 kps
RM2,630

KEDIAMAN/PEJABAT
603 kps
RM890-
RM1,200

Sekiranya berminat boleh menghubungi di talian **019-264 0631** atau **03-5514 3400** samb. 2189



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



maisgovmy

EDISI الطبعة MAIS

www.mais.gov.my

VIRAL KINI:
HIBURAN
TIDAK PATUH
SYARIAH

Ms 18

DuitNow
QR

PERBADANAN WAKAF SELANGOR (PWS)
WAKAF TUNAI

MALAYSIA NATIONAL QR
Accepted by participating Banks
and e-wallets

فرياد نفع وقف سليمان
PERBADANAN WAKAF SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

KINI ANDA BOLEH BERWAKAF TUNAI
LEBIH PANTAS & MUDAH
MELALUI DuitNow

- 1 Buka aplikasi perbankan (18 bank terpilih) atau dompet digital di telefon bimbit anda
Boost, TNG, GrabPay, ShopeePay
- 2 Imbas kod QR
- 3 Masukkan jumlah dan lengkapkan transaksi

Jika anda memerlukan resit untuk tujuan potongan cukai LHDN:

- I 'Screenshot' bukti transaksi wakaf
- II Berikan Nama Penuh (individu/syarikat), No. Kad Pengenalan/No. Syarikat, No. Telefon dan Alamat Lengkap
- III Emelkan ke ewakafonline@wakafselangor.gov.my

f PWSMais @wakafselangor

#JomMasukUIS

UIS
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR DU063(B)

KEMASUKAN PELAJAR BAHARU SEPANJANG TAHUN 2024

28 PROGRAM TIDAK MEMERLUKAN BAHASA ARAB

Kampus Bandar Seri Putra

JOM MASUK UIS

Persekitaran 'biah solehah' Kediaman dalam kampus
Perkhidmatan dobi di asrama Wi-Fi PERCUMA
Lokasi universiti yang strategik Lebih 29,000 graduan sejak 1995
Lebih 70 program pengajian diiktiraf MQA Tabung Matrikulasi UIS
Perkhidmatan bas SMART Selangor PERCUMA
Dermasiswa IPT Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

APA KATA ALUMNI

FATHI HUSSEIN

Mohon secara atas talian www.kuis.edu.my Hubungi kami 03 8911 7072/73

MOHON SEKARANG

IMBAS DI SINI

ASASI | DIPLOMA | SARJANA MUDA | SARJANA | PhD